

07/08/2002

Ramai sedia ajar Sains, Matematik dalam bahasa Inggeris

IPOH, Selasa - Kebanyakan guru Sains dan Matematik tidak keberatan mengajar kedua-dua mata pelajaran itu dalam bahasa Inggeris mulai tahun depan kerana yakin mereka akan diberi persediaan mencukupi, termasuk kemudahan mengajar oleh Kementerian Pendidikan.

Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Tengku Habsah Tengku Petra, berkata selain persediaan yang mencukupi, guru terbabit juga seronok apabila kementerian baru-baru ini menawarkan pelbagai insentif, sekali gus menaikkan moral guru terbabit.

Katanya, maklum balas positif itu diperolehi hasil maklumat yang dikumpul kesatuan berkenaan di seluruh negara.

Sehubungan itu, beliau menafikan dakwaan yang mengatakan ramai guru berhasrat menarik diri daripada mengajar mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris mulai tahun depan.

"Setakat yang kita tahu, tiada bantahan daripada guru yang mengatakan mereka tidak mampu mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, sebaliknya ramai yang menyatakan kesediaan apabila kementerian merancang program latihan intensif serta menyediakan modul pengajaran, termasuk penggunaan teknologi maklumat (IT).

"Malah, pengumuman kementerian yang memberikan pelbagai insentif turut mengembirakan mereka.

"NUTP berpendapat guru akan sentiasa sanggup berkorban demi mendidik anak bangsa kerana mendapat inspirasi pengorbanan yang ditunjukkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam memimpin negara," katanya kepada Berita Harian ketika dihubungi.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar hari ini memetik Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Datuk Suhaimi Ibrahim, bahawa ramai guru Sains dan Matematik berhasrat menarik diri daripada mengajar kedua-dua mata pelajaran itu tahun depan kerana ketidakupayaan berkomunikasi dalam bahasa Inggeris.

Suhaimi berkata, hasrat itu disampaikan ketika pihaknya membuat kaji selidik berhubung pembelajaran kedua-dua mata pelajaran itu dalam bahasa Inggeris di beberapa sekolah dan kelas tuisyen, baru-baru ini.

Baru-baru ini, Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, mengumumkan guru yang mengajar mata pelajaran Sains, Matematik dan bahasa Inggeris berpeluang menikmati kenaikan tiga mata gaji dan elaun khas.

Guru yang menjadi jurulatih utama dalam bidang Sains, Matematik dan bahasa Inggeris mengikut Program Pelatih Pembangunan Malaysia juga akan diberi keutamaan kenaikan pangkat dari DG3 (peringkat ijazah) ke DG2.

Selain itu, elaun khas itu juga akan dibayar kepada guru Sains, Matematik dan bahasa Inggeris yang mengajar di luar bandar.

Mengenai cadangan mengambil guru luar negara untuk mengajar Sains, Matematik dan bahasa Inggeris, Tengku Habsah berkata, NUTP bimbang kemasukan guru asing itu akan menimbulkan kejutan budaya.

"Mereka tidak faham budaya kita dan kesatuan juga bimbang kemasukan mereka akan membawa bersama budaya negara mereka yang tidak boleh diterima masyarakat negara ini," katanya.